

Headline	Kemenangan sulung UniKL		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Sukan	Page No	55
ArticleSize	206 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,214		



Kemenangan sulung UniKL



AKSI pemain UniKL Robert Kemperman (kanan) dalam perlawanan menentang UiTM di Stadium Hoki Tun Razak, semalam.

KUALA LUMPUR 13 Jan. - Universiti Kuala Lumpur (UniKL) membuktikan mereka masih pasukan pilihan Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL 2019) berikutan tidak berdepan masalah meraih kemenangan, hari ini.

Skuad UniKL menang 2-1 ke atas Universiti Teknologi Mara (UiTM) sekali gus mengutip tiga mata pertama selepas dua perlawanan TNB-MHL 2019.

Jurulatih UniKL, Arul Selvaraj berkata, biarpun barisan pemainnya lambat panas, namun, dia tetap gembira dengan prestasi keseluruhan pasukan.

"Dalam senarai pemain memang nampak skuad kami sudah lengkap, tetapi aksi kami masih kucar kacir. Bagaimanapun ia sedikitpun tak merisaukan saya," kata Arul.

Gol UniKL dijaringkan, Mohamad Sukri Abdul Mutalib dan Martijin Havenga, manakala gol tunggal UiTM disempurnakan Mohd. Azwar Abd. Rahman